

## INSENTIF BELIA PRS

### Transaksi PRS

#### Penukaran Dana

Bagi melayakkan diri untuk insentif ini, individu itu mesti membuat caruman kasar terkumpul sebanyak minimum RM1,000 dalam satu Dana PRS. Untuk melayakkan diri, seseorang individu itu mungkin boleh mempertimbangkan untuk membuat Penukaran Dana PRS dalam Penyedia PRS yang sama bagi mengumpulkan simpanan daripada dana-dana lain ke dalam satu Dana PRS sahaja. Selepas dana ini dikumpulkan, individu itu perlu memastikan bahawa jumlah yang caruman memenuhi kelayakan minimum sebanyak RM1,000.

#### Pemindahan Dana

Jumlah caruman minimum kasar yang diperolehi melalui Pemindahan akan dikecualikan daripada pengiraan untuk insentif tersebut.

#### Pemilihan Dana Adalah Berdasarkan Dana PRS Yang Lebih Awal Mencapai RM1,000

PPA akan memilih dana yang terlebih dahulu mencapai caruman RM1,000 dalam tempoh 2017-2018. Bagi ahli yang mempunyai beberapa Dana PRS, sama ada dengan Penyedia PRS tunggal atau Penyedia yang pelbagai serta Dana-Dana itu menerima caruman kasar sebanyak RM1,000 pada tarikh yang sama, insentif akan dibahagikan sama rata di dalam Dana ini. Jika tidak, Dana yang menerima caruman kasar RM1,000 terlebih dahulu akan menerima insentif penuh sebanyak RM1,000.

#### Contoh Pembayaran Insentif

Ahli telah membuat sumbangan berikut kepada Penyedia ABC (Penyedia tunggal)

Tarikh	Nama dana	RM	Tarikh	Nama dana	RM
26 May 2014	Dana Shariah ABC	1,000	27 May 2014	Dana Sederhana ABC	1,000

Insentif akan diberikan kepada Dana Shariah ABC kerana dana tersebut telah mencapai sumbangan kasar sebanyak RM 1000 pertama

Ahli telah membuat sumbangan berikut kepada lebih daripada satu penyedia PRS :

PENYEDIA ABC			PENYEDIA XYZ		
Tarikh	Nama Dana	RM	Tarikh	Nama Dana	RM
26 May 2014	Dana Shariah ABC	1,000	27 May 2014	Dana Sederhana XYZ	1,000

Insentif akan diberikan kepada Penyedia ABC kerana dana telah mencapai sumbangan kasar RM 1000 pertama

Insentif akan dibahagikan sama antara antara kedua Penyedia – Penyedia ABC & Penyedia XYZ masing-masing akan menerima unit bernilai RM250